

17 AUG 1998

Komanwel-Tiket

JUALAN TIKET MENCAPAI ANGKA 300,000

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Jualan tiket bagi Sukan Komanwel ke-16 bulan depan telah mencapai angka 300,000 dan pihak penganjur kini akan menumpukan jualan untuk acara olahraga, kriket, gimnastik dan hoki.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata angka terakhir jualan tiket menunjukkan sejumlah 299,065 tiket bernilai RM16.25 juta telah dijual sehingga Sabtu lepas.

"Kita berharap ia melepasi angka 300,000 minggu ini. Jualan tiket bertambah rancak sejak kempen promosi diperhebatkan," kata beliau kepada pemberita selepas menerima kad akreditasi untuk temasya itu daripada Kodak di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata pihaknya kini akan menumpukan perhatian kepada jualan tiket bagi jenis sukan yang dipertandingkan di stadium-stadium yang boleh menampung ramai penonton seperti olahraga, gimnastik, kriket dan hoki. Tiket untuk acara ini masih banyak terdapat.

Mengenai kemungkinan berlaku hujan ketika temasya ini, Muhyiddin berkata jawatankuasa teknik akan mengambil tindakan mengatur dan menyusun jadual jika berlaku cuaca buruk semasa sukan berlangsung.

"Kita berharap cuaca akan baik sepanjang temasya. Jikapun berlaku hujan, jawatankuasa teknikal akan memutuskan cara terbaik menyusun semula jadual pertandingan," kata beliau.

Mengenai upacara pembukaan, Muhyiddin berkata, persiapan berjalan lancar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan menyaksikan raptai upacara itu, Khamis ini.

"Persiapan sedang berjalan lancar...keadaannya semacam kita boleh melakukan upacara pembukaan itu esok. Peralatan sedang dipasang dan dijangka siap sepenuhnya akhir bulan ini," kata beliau.

Mengenai kad akreditasi, Muhyiddin berkata sejumlah 15,000 kad itu telah siap dan boleh diambil, termasuk untuk atlit dan pegawai.

Kodak, yang menyediakan 20 mesin 'Digital Image Capture' untuk proses membuat kad itu mencetak lebih 40,000 kad berkenaan untuk kakitangan bertugas, penaja, VIP, atlit dan pegawai, sukarelawan serta media di empat pusat di sini dan Langkawi.

-- BERNAMA

AR ZB